

25 JUL 2000

Mardi-Kacukan

MARDI PAMER BAKA BARU LEMBU DI MAHA 2000

KUALA LUMPUR, 25 Julai (Bernama) -- Selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan tahap pengeluaran daging lembu tempatan, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) telah memperkenalkan baka kacukan lembu pedaging yang baru pada pertunjukan MAHA 2000.

Baka kacukan baru yang dikenali sebagai Charoke dan Brahmas itu dijangka menarik minat penternak tempatan untuk melabur dalam penternakan lembu kacukan yang mampu memberi pulangan yang lebih lumayan.

Menurut pegawai pembantu penyelidikan Mardi, Roslan Othman yang ditemui di tapak pertunjukan di Stadium Putra Bukit Jalil dekat sini, baka Charoke ialah hasil kacukan antara baka penjantan Charolis dari Perancis dengan baka betina tempatan Kedah Kelantan (KK) manakala baka Brahmas dihasilkan melalui kacukan baka penjantan Brahman dari Amerika Syarikat dengan baka KK.

Katanya, antara ciri-ciri istimewa baka kacukan Charoke ialah saiznya yang besar dan prestasi pengeluaran yang tinggi manakala baka kacukan Brahman mudah diselenggara dan mempunyai tahap ketahanan yang tinggi terhadap serangan penyakit dan parasit.

"Baka Charoke menunjukkan prestasi yang tinggi dalam semua ciri pertumbuhan dalam sistem pastura terbuka dan fidlot berbanding dengan baka tulen KK," kata beliau.

"Baka Brahmas pula dikenal pasti sesuai untuk pengeluaran daging di kawasan tropika seperti Malaysia," kata beliau.

Katanya, kedua-dua baka kacukan yang baru ini mampu menghasilkan pengeluaran daging yang lebih tinggi berbanding baka tulen tempatan untuk memenuhi permintaan tempatan dan mengurangkan import daging lembu yang merugikan.

Beliau berkata Mardi berharap untuk mempromosikan baka kacukan baru kepada penternak yang berminat untuk menjalankan perusahaan ini secara komersil melalui publisiti yang akan diperolehi di pertunjukan MAHA.

MAHA atau Malaysia Agriculture, Horticulture and Agrotourism Show dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kami akan membekalkan baka-baka lembu pembiakan selain daripada memberi khidmat nasihat dan bimbingan kepada penternak yang ingin menceburi bidang ternakan ini supaya potensi baka-baka lembu ini dapat dimanfaatkan dengan optimum," kata beliau.

-- BERNAMA

MLS ZS AKD